



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 22 MEI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA BANTU GOLONGAN TERJEJAS, NASIONAL, SINAR HARIAN -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	FAMA SUMBANG LIMA TAN SAYUR, BUAH, BERITA HARIAN -ONLINE	
3.	FAMA CATAT JUALAN RM65.49JUTA, MY METRO -ONLINE	
4.	FAMA CONTRIBUTES FIVE TONNES OF FOOD SUPPLY TO CENTRAL KITCHEN, BERNAMA -ONLINE	
5.	FAMA CONTRIBUTES FIVE TONNES OF FOOD SUPPLY TO CENTRAL KITCHEN, THE SUN DAILY -ONLINE	
6.	FAMA SUMBANG LIMA TAN METRIK BEKALAN MAKANAN KEPADA CENTRAL KITCHEN, BERNAMA -ONLINE	
7.	FAMA, NEKMAT RECORD RM12 MILLION IN ONLINE SALES, BERNAMA.COM -ONLINE	
8.	MOA PERLUAS INISIATIF MEDIUM E-DAGANG BAGI SEKTOR AGROMAKANAN, SINAR HARIAN -ONLINE	
9.	AGROBAZAAR ONLINE, NEKMATBIZ REKOD RM12 JUTA JUALAN E-DAGANG, BERNAMA.COM -ONLINE	
10.	FAMA TERENGGANU CATAT JUALAN RM1.43 JUTA SEMASA PKP, SIAKAP KELI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11.	KERAJAAN MALAYSIA SALUR BEKALAN MAKANAN PETUGAS BARISAN HADAPAN DI SINGAPURA, NEWS, HEAD TOPICS -10	LAIN-LAIN
12.	PENIAGA BERETIKA, PENGGUNA BIJAK MANTAPKAN URUS NIAGA, MUKA SEPULUH, BERITA HARIAN -10	
13.	PUYUH MADU BAKAR ISTIMEWA, SINAR RAMADAN, SINAR HARIAN -28	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

FAMA bantu golongan terjejas

Agihkan produk asas tani kepada mereka yang terkesan dengan pandemik Covid-19

Oleh MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

Lembaga Persekitaran Pertanian dan Industri Makanan (FAMA) mengagihkan sayur-sayuran, buah-buahan dan produk asas tani kepada mereka yang terjejas akibat pandemik koronavirus (Covid-19) di seluruh Malaysia.

Agihan tersebut antaranya kepada rumah kebajikan dan warga emas, persatuan, pemuncut universiti, penduduk kampung serta petugas barisan hadapan.

Menyatakan bahawa



Ronald (tengah) berada maja's penyerahan sumbangan sayur-sayuran dan buah-buahan kepada 10 Central Kitchen di Wisma Tani, Lobi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Putrajaya kelmarin.

produk makanan kering Indus- tri kecil dan Sederhana (IKS) tempatan kepada seramai 150 warga Malaysia yang terkandas di Singapura susulan pelaksanaan PKP.

Sementara itu, beliau berkata, sehingga 18 Mei lalu, sebanyak 53 Pasar Segar Ter-kawal (PST) Fama beroperasi di seluruh Malaysia.

“Nilai jualan bagi tempoh 1 April hingga 18 Mei adalah sebanyak RM65,49 juta meli- batkan seramai 530 usahawan, 785,000 pengunjung dan 77,450 penghantaran,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, Agrobaazar Online FAMA mencatakan jualan terkumpul sebanyak RM1.51 juta termasuk RM920,000 jualan sayur-sayuran dan buahan-buahan segar.

“Selebihnya adalah produk asas tani melibatkan sebanyak 30,615 penghantaran,” kata- nya.

program CSR ini, FAMA bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membezalkan sebanyak lima tan sayur-sayuran dan buah-buahan kepada Kemajuan dan Kewirausahaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keharga dan Masyarakat, Datuk Junaidah Kamarruddin di Wisma Tani, Lobi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di sini kelmarin.

Ronald berkata, FAMA turut menyururkan sumbangan “Antara lokasi terlibat ialah Asrama Seniota, Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi (Kanak-kanak) dan Ta-

man Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah,” katanya.

Beliau berkata, dermikan kepada pemberita selepas me- nyerahkan sumbangan tersebut kepada Kemajuan dan Kewirausahaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keharga dan Masyarakat,

Datuk Junaidah Kamarruddin di Wisma Tani, Lobi Kemen- terian Pertanian dan Industri Makanan di sini kelmarin.

PUTRAJAYA

Menurutnya, CSR itu turut membuka peluang pasaran kepada golongan petani untuk menjual hasil pertanian mereka.

“Bagi memperluaskan lagi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/05/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	



Menyeronakan sayur-sayuran dan buah-buahan untuk Program Central Kitchen seliaan JKM yang diberikan oleh Kelua Seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Datuk Junaidi Kamaluddin di Wisma Tani hari ini. - Foto BERNAMA

FAMA sumbang lima tan sayur, buah

PUTRAJAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyumbangkan lima tan bekalan sayuran dan buah-buahan kepada 10 lokasi Central Kitchen di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata sumbangan bekalan makanan itu dapat memberi manfaat kepada 1,357 individu.

"Ini adalah antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) FAMA. Setiap lokasi Central Kitchen akan menerima 500 kilogram (kg) bekalan sayuran dan buah-buahan," katanya kepada media selepas Program Sumbangan Kepada Central Kitchen di bawah JKM dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sini, hari ini.

Antara lokasi Central Kitchen terbabit adalah Asrama Sentosa, Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi (Kanak-kanak) dan Taman Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah.

Kiandee berkata, FAMA turut bekerjasama dengan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura memberi sumbangan berupa produk makanan kering keluaran Perusahaan Kecil dan Sederhana kepada 150 rakyat Malaysia yang terkandas di Singapura dalam tempoh PKP.

Sepanjang tempoh PKP, katanya, FAMA melaksanakan 43 CSR di seluruh Malaysia dan sumbangan diedarkan kepada golongan kurang berkemampuan seperti rumah kebajikan, persatuan, penduduk kampung dan barisan hadapan seperti polis.

Dalam pada itu, Kiandee berkata 53 outlet FAMA di seluruh Malaysia mencatat nilai jualan sebanyak RM65.49 juta dalam tempoh 1 April hingga semalam. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/05/2020	MY METRO	ONLINE	

FAMA catat jualan RM65.49 juta

[Share](#) [Tweet](#)



SEBANYAK 53 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) yang diwujudkan di seluruh negara mencatatkan hasil jualan keseluruhan RM65.49 juta sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menyatakan ini, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MOA), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, perwujudan PST di bawah seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu berjaya mencatat nilai jualan tinggi bagi tempoh 1 April hingga 18 Mei.

"PST diadakan bertujuan menjamin keperluan bekalan makanan mencukupi di samping membantu petugas barisan hadapan industri makanan menjual hasil mereka.

"FAMA turut mencatatkan jumlah terkumpul sebanyak RM1.51 juta melalui pasaran hasil pertanian secara Agrobazaar Online membabitkan pembelian produk segar sayuran dan buah-buahan," katanya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Central Kitchen Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Lobi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, di Putrajaya, hari ini.

Sumbangan disampaikan Kiandee kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Junaidah Kamarruddin.

Jumlah sumbangan adalah RM10,000 bagi menampung makanan bagi 1,400 orang di bawah kelolaan Central Kitchen JKM.

Sepanjang PKP, sebanyak 20 Pusat Operasi FAMA, 23 Pasar Tani Kekal, tiga buah MyFarm Outlet dan tujuh lokasi terbuka dibuka kepada orang ramai bagi mendapatkan bekalan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/05/2020	BERNAMA	ONLINE	



PUTRAJAYA, May 20 -- The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) today distributed five tonnes of vegetables and fruits to 10 Central Kitchen locations under the Social Welfare Department.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the food supply contribution would benefit 1,357 individuals.

"This is one of FAMA's corporate social responsibility (CSR) initiatives. Each Central Kitchen location will receive 500 kilogrammes of vegetable and fruit supply," he told reporters after handing over the contribution here today.

Among the Central Kitchen locations involved are Asrama Sentosa, Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi (Kanak-kanak) and Taman Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah.

Kiandee said FAMA had also worked with the Malaysian High Commission in Singapore to provide contributions in the form of dry food products produced by small and medium enterprises to 150 Malaysians stranded in the republic during the Movement Control Order (MCO) period.

He said FAMA had carried out 43 CSR initiatives nationwide throughout the MCO period in which contributions were distributed to welfare homes, associations as well as frontliners.

Meanwhile, Kiandee said 53 FAMA outlets nationwide recorded RM RM65.49 million in sales from April 1 until yesterday (May 19).

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/05/2020	THE SUN DAILY	ONLINE	

Fama contributes five tonnes of food supply to Central Kitchen

PUTRAJAYA: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) today distributed five tonnes of vegetables and fruits to 10 Central Kitchen locations under the Social Welfare Department.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the food supply contribution would benefit 1,357 individuals.

"This is one of Fama's corporate social responsibility (CSR) initiatives. Each Central Kitchen location will receive 500 kilogrammes of vegetable and fruit supply," he told reporters after handing over the contribution here today.

Among the Central Kitchen locations involved are Asrama Sentosa, Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi (Kanak-kanak) and Taman Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah.

Kiandee said FAMA had also worked with the Malaysian High Commission in Singapore to provide contributions in the form of dry food products produced by small and medium enterprises to 150 Malaysians stranded in the republic during the Movement Control Order (MCO) period.

He said Fama had carried out 43 CSR initiatives nationwide throughout the MCO period in which contributions were distributed to welfare homes, associations as well as frontliners.

Meanwhile, Kiandee said 53 Fama outlets nationwide recorded RM65.49 million in sales from April 1 until yesterday (May 19). - *Bernama*

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA

SURAT

22/05/2020 BERNAMA.COM ONLINE



PUTRAJAYA, 20 Mei -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyumbangkan lima tan metrik bekalan sayuran dan buah-buahan kepada 10 lokasi Central Kitchen di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata sumbangan bekalan makanan itu dapat memberi manfaat kepada 1,357 individu.

"Ini merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) FAMA. Setiap lokasi Central Kitchen akan menerima sebanyak 500 kilogram bekalan sayuran dan buah-buahan," katanya kepada media selepas Program Sumbangan Kepada Central Kitchen di bawah JKM dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), di sini hari ini.

Antara lokasi Central Kitchen terlibat adalah Asrama Sentosa, Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi (Kanak-kanak) dan Taman Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah.

Kiandee berkata FAMA turut bekerjasama dengan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura memberi sumbangan berupa produk makanan kering keluaran Industri Kecil dan Sederhana kepada 150 rakyat Malaysia yang terkandas di Singapura dalam tempoh PKP.

Sepanjang tempoh PKP, katanya FAMA telah melaksanakan 43 CSR di seluruh Malaysia dan sumbangan diedarkan kepada golongan yang kurang berkemampuan seperti rumah kebajikan, persatuan, penduduk kampung dan barisan hadapan seperti polis.

Dalam pada itu, Kiandee berkata 53 outlet FAMA di seluruh Malaysia mencatatkan nilai jualan sebanyak RM65.49 juta dalam tempoh 1 April hingga semalam.

-- BERNAMA

FAMA, NEKMAT record RM12 million in online sales



KUALA LUMPUR, May 21 – Some RM12 million in online sales were recorded by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) AgroBazaar and National Fishermen's Association (NEKMAT) Nekmatbiz products in the Klang Valley during the Movement Control Order (MCO).

Agriculture and Food Industry Minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, said the digital marketing initiative is aimed at ensuring demand for the agricultural products remains constant and that they can be promoted directly to the consumer.

"This is something out of the ordinary that has happened during the MCO, and if it can be sustained, could become a method of selling online that holds promise for something big.


"The ministry is encouraging online businesses as a new FAMA focus to raise the economic status of producers, farmers, fishermen and others through entrepreneurship," he told reporters after visiting the Federal Territories FAMA office today.

This initiative has benefitted 1,500 farmers, 56,000 fishermen and 100 FAMA entrepreneurs.

"FAMA is not just focused on the Klang Valley, it will be opening online business operation centres in other states. It will become the future trend of obtaining food online," he said, adding that the ministry is also focused on a business-to-business (B2B) e-commerce initiative that has already been started with a few companies.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/05/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

MOA perluas inisiatif medium e-dagang bagi sektor Agromakanan



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee -Foto Bernama

PUTRAJAYA - Pelaksanaan pemasaran dalam talian (e-dagang) dapat memastikan permintaan terhadap produk dan hasil pertanian berterusan serta boleh dipasarkan terus kepada pengguna.

Menyatakan itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, usaha itu juga sebagai alternatif kepada kaedah konvensional (jualan di outlet atau kedai) menggunakan platform 'business to consumer (B2C)'.

"Kementerian memperluas dan memperkasa pemasaran hasilan pertanian melalui platform e-dagang untuk mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan hasilan pertanian bagi pasaran domestik seterusnya ke pasaran antarabangsa. Ia selaras dengan Perutusan Khas Perdana Menteri berhubung dengan penerimaan norma baharu oleh seluruh rakyat Malaysia dan proses pendigital masyarakat oleh kerajaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, beliau telah melakukan lawatan ke pusat operasi kerjasama dengan Shopee Malaysia yang telah mendigitalkan rantaian pemasaran hasil pertanian dan perikanan.

"Kerjasama eksklusif dengan Shopee melalui FAMA, Nekmat dan LKIM telah membawa produk segar secara dalam talian AgroBazaar Online dan Nekmatbiz dalam platform berkenaan.

"Sejak kerjasama ini dilaksanakan pada bulan lepas telah merekodkan sebanyak 2,000 tempahan di Lembah Klang sahaja dan memberi manfaat kepada petani, usahawan FAMA dan nelayan," katanya.

Beliau berkata, selain menggunakan platform B2C, kementerian juga sedang giat melaksanakan inisiatif jualan e-dagang menggunakan platform business to business

(B2B) yang mana telah dimulakan dengan beberapa syarikat yang berpengalaman dalam mengendalikan perniagaan e-dagang yang dapat membantu memasarkan hasil pertanian kumpulan sasar secara pukal terus kepada pengedar mahupun pemborong.

"Kerjasama ini dijangka mewujudkan ekosistem baharu dalam pasaran pertanian di Malaysia yang boleh menjangkau cara kerja konvensional dan mampu meningkatkan pasaran dalam rantaian e-dagang secara keseluruhan.

"Adaptasi kelebihan sistem e-dagang ini boleh memberi informasi terus kepada pembeli membuat pilihan yang bijak dalam mendapatkan hasil segar dari ladang. Sehubungan itu, ia turut membuka pasaran dan peluang baharu kepada petani dalam menjual hasil pertanian secara atas talian kepada pembeli, pengedar, pasar segar dan kedai makan, secara amnya. Petani juga boleh memilih untuk mendapatkan harga yang lebih baik dari pelbagai pilihan pengguna yang ada," katanya.

Jelasnya, kementerian turut membantu dalam pemasaran, pembangunan teknikal dan pendidikan e-dagang kepada kumpulan sasar yang berdaftar dengan program ini menyedari cabaran bahawa bukan mudah bagi para petani dan nelayan untuk membiasakan diri dengan ilmu teknologi e-dagang.

"Justeru, kementerian melalui agensi-agensi tertentu akan terus membantu lebih ramai petani dan nelayan mempelajari kaedah penjualan secara dalam talian.

Kerjasama strategik B2B dengan beberapa syarikat e-dagang juga akan dilancarkan dalam masa terdekat.

"Inisiatif kementerian bertepatan bagi menjamin tahap sekuriti makanan sentiasa berada dalam keadaan stabil dari aspek ketersediaan mudah diakses, selamat, berkualiti dan berkhasiat " katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/05/2020	BERNAMA.COM	ONLINE	

AgroBazaar Online, Nekmatbiz rekod RM12 juta jualan e-dagang



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

KUALA LUMPUR, 21 Mei -- AgroBazaar Online oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Nekmatbiz oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) sehingga semalam merekodkan jualan pemasaran dalam talian (e-dagang) sebanyak RM12 juta di sekitar Lembah Klang.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata inisiatif pendigitalan pemasaran itu bertujuan memastikan permintaan terhadap produk-produk hasil pertanian berterusan dan boleh dipasarkan terus kepada pengguna.

"Ini adalah sesuatu yang baharu dan luar daripada kebiasaan yang berlaku dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jika ini diteruskan akan jadi satu bentuk pembelian penjualan barang pertanian secara dalam talian yang menjanjikan sesuatu yang besar pada masa akan datang.

"Kementerian menggalakkan perniagaan dalam talian sebagai satu penumpuan baharu oleh FAMA untuk membantu mengangkat status ekonomi pengeluar, petani, nelayan dan sebagainya dalam menceburi perniagaan ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melawat Pejabat FAMA Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya, di sini hari ini.

Inisiatif itu telah memanfaatkan hampir 1,500 petani dan 100 usahawan FAMA dan 56,000 nelayan.

Di samping itu, beliau juga berharap perniagaan produk pertanian dan nelayan menggunakan platform 'business to consumer' (B2C) dapat dirancak dan dipertingkatkan kepada pasaran yang lebih meluas ke seluruh negara selepas PKP.

"FAMA bukan sahaja tertumpu di Lembah Klang malah akan membuka pusat-pusat operasi perniagaan dalam talian seperti ini di negeri-negeri lain selepas ini. Ia akan jadi satu trend baharu bagi pengguna untuk dapatkan barang makanan melalui dalam talian," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata selain menggunakan platform B2C, kementerian juga sedang giat melaksanakan inisiatif jualan e-dagang menggunakan platform 'business to business' (B2B) yang telah dimulakan dengan beberapa syarikat.

Sebanyak 10 produk makanan utama yang terjual dalam talian ialah daging pejal segar, tembakai merah new dragon, ayam potong sejuk beku, daging import sejuk beku, tulang rusuk, rock melon, bawang besar merah, daging kambing (bahu) sejuk beku, ubi kentang dan Agromas Kuah Kacang.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/05/2020	SIAKAP KELI	ONLINE	

FAMA Terengganu Catat Jualan RM1.43 Juta Semasa PKP

KUALA TERENGGANU, 21 Mei — Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu mencatatkan jualan sebanyak RM1.43 juta melalui Pasar Segar Terkawal (PST) sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Mac lepas.

Pengarah FAMA Terengganu Fauzi Mohamed berkata daripada jumlah itu, jualan tertinggi direkodkan di Myfarm Outlet (MFO) iaitu sebanyak RM752,454 diikuti jualan Pasar Tani Kekal sebanyak RM431,056.90.

“Selain itu, Pusat Operasi pula mencatat jualan sebanyak RM240,215.20 manakala jualan Agrobazaar secara dalam talian pula sebanyak RM3,951.80,” katanya kepada Bernama hari ini.

Semua jualan tersebut terdiri daripada barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

Dalam pada itu, beliau berkata FAMA Terengganu telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM2,500 kepada 35 penerima yang terdiri daripada ibu tunggal, fakir miskin dan golongan orang kurang upaya (OKU) sebagai persiapan menyambut Aidilfitri tidak lama lagi.

Fauzi berkata sumbangan itu adalah antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya kepada golongan sasar di Agrobazaar Rakyat Kampung Machang dekat Ajil di Hulu Terengganu sempena Aidilfitri kali ini.

“Sumbangan kuih raya ini diharap dapat menceriakan golongan yang kurang berasib baik agar mereka juga dapat merasai kemeriahinan sambutan Aidilfitri,” katanya.

Headline	Kerajaan Malaysia salur bekalan makanan petugas barisan hadapan di Singapura		
MediaTitle	Head Topics (headtopics.com/my)		
Date	22 May 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,000

Kerajaan Malaysia salur bekalan makanan petugas barisan hadapan di Singapura

Kerajaan Malaysia salur bekalan makanan petugas barisan hadapan di Singapura

Kerajaan Malaysia salur bekalan makanan petugas barisan hadapan di Singapura SINGAPURA: Petugas barisan hadapan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura tidak dilupakan oleh K...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/05/2020	BERITA HARIAN	MULA SEPULUH	10

Peniaga beretika, pengguna bijak mantapkan urus niaga

Dari Kaca Mata



Datuk Alexander Nantha Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Interaksi dalam pasaran antara pengeluar dan pengguna mempunyai pengaruh besar terhadap harga sesuatu barang. Lazimnya, harga barang bergantung kepada permintaan dan bekalan.

Bekalan berlebihan menyebabkan harga barang turun, manakala permintaan tinggi dan bekalan terhad boleh menyebabkan harga melonjak naik. Inilah kuasa pasaran.

Senario yang ideal apabila peniaga dan pengguna bersama-sama beretika dalam urusan jual beli. Namun, idealisme ini memerlukan kerjasama dan kejujuran semua pihak - peniaga beretika, pembekal tidak menyorok barang, tidak wujud kartel harga, petani dan peladang tidak 'memusnahkan' hasil ladang serta ternakan untuk mengurangkan bekalan di pasaran.

Secara tradisinya permintaan terhadap sesuatu barang akan meningkat ketika musim perayaan. Pada waktu istimewa seperti ini, ahli keluarga berkumpul dan tentu pelbagai hidangan istimewa disediakan lebih daripada kebiasaan.

Majlis rumah terbuka ketika perayaan fenomena biasa dan ini melorakkkan permintaan barang di pasaran bagi mengadakan majlis berkenaan.

Ketika inilah, harga barang dipengaruhi permintaan tinggi walaupun bekalan pada tahap sama. Harga akan mencapai naik apabila bekalan terputus. Di sini lah, kerajaan memainkan peranan memastikan harga ditawarkan peniaga tidak melampaui batas disebabkan permintaan meningkat.

Inilah yang berlaku setiap musim perayaan utama di Malaysia. Bagi memastikan harga barang dapat dikawal, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sahban tahun melaksanakan Skim

Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Pelaksanaannya membabitkan Tahun Baharu Cina, Aidilfitri, Pesta Kaamatan (Sabah), Hari Gawai (Sarawak), Deepavali dan Krismas.

Pelaksanaan SHMMP sempena hari raya tahun ini dibuat dengan beberapa penyesuaian tempoh masa dan barang. Ia dipendekkan kepada 15 hari berbanding 30 hari pada 2019, manakala 11 barang harga terkawal ditetapkan berbanding 27 pada tahun sebelumnya.

Perubahan ini bersandarkan justifikasi bahawa apabila Perintah Kawalan Pergerakan Bersurat (PKPB) berkuat kuasa mulai 4 Mei, sebahagian besar sektor ekonomi ditutup.

Peniaga yang mula beroperasi pada bermula semula peniagaan tidak diberi ruang memulihkan kembali perniagaan mereka. Tujuannya menjaga kepentingan pengguna dan peniaga.

Walaupun bukan semula peniaga tidak juju menjalankan perniagaan, sebilangan kecil yang tidak beretika sudah cukup untuk mewujudkan senario 'keraria nila setifik, rosak susu sebelanga'. Ini lah realiti.

SHMMP kini memasuki tahun ke-20 pelaksanaan membabitkan 48 barang diwartakan sebagai item harga terkawal. Ia ditentukan berdasarkan barang keperluan pengguna yang mendapat permintaan tinggi ketika musim perayaan.

Penetapan harga kawalan dibuat berdasarkan hasil mesyuarat dan perbincangan dengan Kementerian Pertanian Dan Industri Makinan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Penternak Ayam, serta beberapa pihak yang mempunyai kaitan dalam bekalan barang keperluan.

Pengaruh kuasa KPDNHEP sensitif memantau segenap penjuruh negara dan memeriksa semua premis perniagaan dari kedai runcit di kampung, gerai ikan dan sayur di pasar malam sehingga ke pasar raya besar.

Bermula 2016 hingga 2019, pengaruh kuasa KPDNHEP menjalankan 430,408 pemeriksaan membabitkan pemborong dan peruncit. Sebanyak 2,419 kes dikesan dengan nilai rampasan RM1,095,779.71 serta bernilai RM30,690.

Bagi tahun ini, SHMMP dilaksanakan 15 hari bermula 20 Mei hingga 3 Jun, merangkumi tiga perayaan utama iaitu Aidilfitri, Pesta Kaamatan di Sabah dan Hari Gawai di Sarawak.

Namun, berbeza tahun sebelumnya, tahun ini menyaksikan penyebaran COVID-19 yang memaksa kerajaan mengeluarkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu, bagi membandingkan penularan virus.

Arahan PKP bukan sahaja menghadkan pergerakan masyarakat, malah memberi kesan kepada aktiviti ekonomi dalam negara. Kesannya, harga barang turun mendadak disebabkan lebih banyak bekalan kerana aktiviti jual beli tidak dapat dirancakkan.

Pengenalan PKP berkuat kuasa 4 Mei pula membolehkan pembukaan semula aktiviti perniagaan dan ekonomi. Permintaan terhadap barang tertentu mula menunjukkan peningkatan. Tetapi, rantaian bekalan tidak dapat bertindak balas dengan cepat kepada kekurangan permintaan sepanjang PKP.

Lantas, kenaikan harga dilihat baru-baru ini dan SHMMP dilaksanakan tepat pada masanya bagi mengawalnya. Sebanyak 11 barang keperluan perayaan utama diwartakan di bawah SHMMP se-

bagai permulaan tahun ini, berdasarkan potensi tinggi untuk kebutuhan harga.

Bagaimanapun, kerajaan mendengar dan prihatin terhadap permintaan rakyat dan sudah menilii untuk memperluaskan kepada 35 barang kawalan di bawah SHMMP iaitu pertambahan 19 barang baharu kepada 16 yang diwartakan. Ia berkuat kuasa 13 hari bermula 22 Mei hingga 3 Jun.

Pertambahan barang ini atas permintaan pengguna dan item adalah barang pilihan utama semasa tempoh PKP.

Diharapkan harga barang dapat dikawal dengan penetapan harga siring di peringkat borong dan runcit, terutama di pasar basah dan penjaja kecil yang menjadi tumpuan pengguna berbelanja pada musim perayaan.

Penentuan harga barang terpilih dibuat mengikut kesesuaian harga semasa. Ia turut mengambil kira faktor perubahan harga, khususnya bagi barang import yang dipengaruhi harga dari negera asal, perubahan kadar tunai mata wang dan peningkatan kos operasi.

Sebaik SHMMP diumumkan, 2,300 pengaruh kuasa KPDNHEP dikerahkan membuat pemantauan lebih agresif tujuh hari seminggu bagi membendung kenaikan harga.

Kerja keras mereka amat saya hargai. Mereka antara petugas berisikan hadapan yang tidak diiden-dang.

Saya sendiri turun padang pada hari pertama pelaksanaan bagi memantau dan melihat sendiri kepatuhan peniaga terhadap skim ini. Pada hari sama, pemantauan dan pemeriksaan dilakukan di 2,437 premis dengan satu kes dihasilkan membabitkan kompaun RM2,500.

Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana peniaga yang enggan mematuhi SHMMP dan tidakkan tegas akan dikenakan. Bagaimanapun, usaha keras kementerian tidak akan berhasil tanpa bantuan dan sokongan pengguna. Bagaimanakah pengguna boleh membantu?

Pertama, pengguna harus bersedia mengubah tingkah laku dan cara membeli. Sedar atau tidak, sikap pengguna mempengaruhi harga barang sama ada naik atau turun.

Selain itu, kesedian atau 'flexibility' pengguna mengubah pi-

lihan barang keperluan mereka kepada jenama atau pengganti lain, dapat memberikan impak kepada harga sesuatu barang. Pengguna juga harus bestari dan tahu hak mereka.

Untuk memudahkan pengguna, KPDNHEP mengadaptasi aplikasi mudah alih terkini yang mana informasi mengenai premis menawarkan harga barang berpatutan kini hanya di hujung jari. Aplikasi PriceCatcher diperkenalkan untuk membolehkan pengguna mendapatkan harga terbaik bagi enam kategori barang popular di sebuah lokalkti. Banyak faedahnya untuk pengguna.

Masukkan sahaja nama barang dan dipacu teknologi sistem kedudukan global (GPS), aplikasi akan memberikan senarai harga barang di beberapa premis berdekatan.

Anda juga boleh mencari harga barang di tempat lain dengan menasukkan butiran negeri dan daerah. Mudahkan? Cubalah!

Aplikasi ini memaparkan maklumat harga lebih 400 barang keperluan pengguna yang dikutip lebih daripada 1,000 pegawai pemantau harga (PPH) KPDNHEP di seluruh negara secara harian, mingguan dan bulanan.

Melalui pengguna dapat menjimatkan masa dan kos untuk membuat perbandingan harga antara premis berlainan di sesuatu kawasan, seterusnya merancang perbelanjaan dengan memilih premis yang menawarkan harga berpatutan.

Pengguna juga boleh mengemukakan aduan khususnya berkaitan harga barang melalui portal <http://eaduan.kpdnhep.gov.my>, selain aplikasi telefon pintar Ez Aduan KPDNHEP, emel ke eaduan@kpdnhep.gov.my, WhatsApp di talian 019-2794317 atau melalui Pusat Arahan Penguatkuasaan di talian 03-88826088/6245 dan melalui pusat panggilan 1-800-886-800.

Kolaborasi pengguna bestari dan peniaga beretika, di samping penguatkuasaan berterusan akan membantu merealisasikan visi kementerian dalam mewujudkan ekosistem perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing dan mampan yang menjadi teras kelima KPDNHEP untuk 2020.

Selamat Hari Raya, Selamat Menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai Dayak.

Kolaborasi pengguna bestari dan peniaga beretika, di samping penguatkuasaan berterusan akan membantu merealisasikan visi kementerian dalam mewujudkan ekosistem perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing dan mampan yang menjadi teras kelima KPDNHEP untuk 2020.

Puyuh madu bakar istimewa



Resipi puyuh madu bakar mempunyai rasa istimewa kerana puyuh disalut dengan madu dan ada sambal khas yang memenuhi selera."

Puyuh madu bakar merupakan sajian istimewa yang dihasilkan oleh seorang penterak burung puyuh dari Pontian, Johor.

Pengusahanya, Hairulnizam Saat berkata, sajian berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan sepanjang Ramadan walaupun perniagaan terhad



Puyuh madu bakar yang dijual oleh Hairulnizam.

Oleh NOR AZURA MD AMIN

susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Resipi puyuh madu bakar mempunyai rasa istimewa kerana puyuh disalut dengan madu dan ada sambal khas yang memenuhi selera."

"Selain itu terdapat juga beberapa menu lain dijual sempena Ramadan seperti puyuh berempah, puyuh goreng kunyit dan goreng tepung," katanya kepada *Sinar Harian*.

Lelaki berusia 50 tahun itu berkata, beliau menggunakan kaedah bayaran semasa serahan (COD) untuk menjual sajian istimewa yang dihasilkannya itu.

Hairulnizam yang juga Pemenang Anugerah Penterak Jaya Peringkat Kebangsaan merupakan penterak puyuh berjaya.

Ladangnya yang terletak di Ayer Baloi, Pontian, Johor mengeluarakan kira-kira 70,000 ekor puyuh sebulan.

Puyuh segar

Selain puyuh madu bakar, Hairulnizam juga menjual daging puyuh segar di pasar malam dan restoran seluruh Johor.

Di samping itu, katanya, puyuh segar yang dikeluarkan itu juga dipasarkan hingga ke Negeri Sembilan, Melaka dan Kuala Lumpur.

"Produk Puyuh Segar Pontian ini didatangkan dalam bungkus seukur bekuk dilakaskan kepada lima gred berdasarkan kepada berat burung selepas diproses.

"Gred paling tinggi ialah gred 3A dengan berat 1.9 kilogram (kg) seekor; gred 2A (1.7kg-1.8kg); gred 1A (1.55Kg-1.65kg); gred B (1.40kg-1.45kg) dan gred



Produk Puyuh Segar Pontian yang dikeluarkan dari ladang puyuh milik Hairulnizam yang terletak di Ayer Baloi, Pontian, Johor.

C (1.30kg – 1.35kg)," katanya

Jelasnya, harga sebungkus puyuh berkenaan antara RM23 hingga RM29 bergantung kepada grednya," katanya.

Menggunakan moto "Segar Dari Ladang", Hairulnizam memulakan perusahaan menternak puyuh pada 1997.

Perusahaannya itu kemudiannya berkembang pesat sehingga memberi pulangan yang lumayan kepadanya.

Puyuh keluarannya ladangnya itu mempunyai pengiktirafan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Kesan Covid-19

Dalam pada itu, Hairulnizam tidak menafikan penularan koronavirus (Covid-19) sedikit sebanyak memberi kesan terhadap perniagaannya.

Katanya, puyuh segar yang dikeluarkan dari ladangnya tidak dapat dipasarkan susulan pelaksanaan PKP sejak 18 Mac lalu.

"Kira-kira 200,000 ekor burung puyuh seukur bekuk sudah disiapkan untuk pasaran Ramadan tapi sukar dipasarkan kerana banyak kedai makan dan restoran, di Johor Bahru ditutup," katanya.

Justeru, katanya, beliau berharap situasi Covid-19 dapat dipulihkan sepenuhnya, sekali gus membolehkan kehidupan kembali seperti biasa.

"Kalau boleh ada jabatan dan agensi kerajaan dapat membantu memasarkan hasil usahawan desa seperti saya ketika musim PKP sekarang ini," katanya.



KLIK

Pengarah Kanan Jabatan Komuniti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Zulkifli Abu Bakar (dua dari kanan) menyampaikan juadah berbuka puasa kepada Ketua Pengurusan Sinar Harian, Datuk Bahrom Mahusin di ibu pejabat Sinar Harian di Seksyen 15, Shah Alam, Selangor kemarin. Juadah berkenan merupakan sumbangan warga UiTM kepada klinikkan Sinar Harian yang juga petugas berisikan hadapan bidang pengetahuan.